

Untuk sesetengah orang, membeli keperluan seharian adalah sukar kerana mereka mungkin tiada kesempatan masa kerana sibuk bekerja tetapi juga tidak ada pengetahuan tentang keperluan atau satu aktiviti yang membolehkan. Oleh kerana itu pembelian yang boleh dilakukan secara online sebenarnya akan banyak menyenangkan pengguna. Pengusaha Supermarket dan kedai perlu ada inisiatif untuk membolehkan pelanggan membeli secara online untuk memudahkan pelanggan.

Ketika Malaysia berhadapan dengan pandemik Covid-19, kerajaan Malaysia telah menjalankan perintah kawalan pergerakan iaitu PKP sebagai salah satu langkah bagi memutuskan rantaian Covid-19. Jadi pada ketika pergerakan rakyat Malaysia sangat terhad memandangkan terdapat Standard Operating Procedure (SOP) yang harus dipatuhi untuk keluar rumah maka pembelian secara online sangat membantu. Bagi membeli barangan keperluan serta barangan dapur juga terdapat SOP yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan iaitu dengan hanya seorang wakil isi rumah atau ketua keluarga sahaja yang dibenarkan keluar untuk membeli barang keperluan. Perkara ini dilihat menjadi masalah bagi segelintir keluarga kerana kebanyakan ketua keluarga terdiri daripada kaum lelaki, di mana mereka tidak berapa arif tentang barangan dapur yang harus dibeli kerana sebelum ini ia telah menjadi rutin tetap buat para wanita untuk membelinya.

Sebagai langkah yang proaktif, AEON Malaysia patut ditiru oleh ramai pengusaha lain di Malaysia dimana mereka telah menawarkan perkhidmatan 'personal shopper' atau pembelian peribadi untuk mereka yang menghadapi kesulitan untuk membeli barangan keperluan serta barangan dapur. Sebelum ini AEON hanya menawarkan perkhidmatan layan diri tetapi kini telah mempertingkatkan perkhidmatan penuh yang mana mereka menyediakan pembeli peribadi bagi memudahkan urusan pembelian para pengguna.

Perkhidmatan personal shopper ini adalah satu inisiatif yang bagus dan harus dipuji kerana memudahkan pelanggan serta penggunaannya. Mana-mana pengguna yang ingin menggunakan perkhidmatan ini, hanya perlu memberi senarai barang yang hendak dibeli kepada 'personal shopper' atau pembeli peribadi tersebut dan mereka akan membantu pengguna untuk mencari barang keperluan yang hendak dibeli. Ada juga perkhidmatan yang dibuat secara atas talian dan pelanggan hanya tinggal bayar dan ambil sahaja. Perkhidmatan ini sangat membantu suami-suami bahkan orang tua, orang kurang upaya, juga ibu tunggal dalam membuat pembelian kerana mereka tidak perlu bersusah payah lagi untuk mencari sesuatu barang itu serta menjimatkan masa dan memuaskan hati pelanggan. Perkhidmatan pembeli peribadi ini ditugaskan kepada pekerja sudah pastinya telah dilatih dengan baik serta cekap oleh syarikat mereka untuk melakukan kerja dengan pantas serta cepat.

Sebagai kesimpulannya, usaha Syarikat AEON yang telah menawarkan perkhidmatan 'personal shopper' atau pembeli peribadi kepada para pengguna ini merupakan salah satu langkah yang baik yang seharusnya ditiru oleh penguasaha lain. Selain itu, usaha AEON ini juga dilihat dapat memberi pengalaman membeli-belah yang selamat dan selesa kepada para pelanggan mereka dengan adanya perkhidmatan pembeli peribadi pada masa-masa yang sukar ini. AEON telah menjalankan tanggungjawab sosialnya bagi membantu pelanggan semasa krisis kovid 19. Walau-

pun masyarakat Malaysia sekarang harus menjalani norma baharu, usahawan di Malaysia terus berusaha melakukan tugas dengan baik sekali dengan mencari inisiatif yang lebih baik atau setara seperti yang dilakukan oleh AEON, untuk memastikan para pengguna serta pelanggan di Malaysia dapat terus menyesuaikan diri dalam kehidupan norma baharu sekarang ini.